

KM JAS 39/2024



**SIARAN MEDIA
JABATAN ALAM SEKITAR**

ADUAN PENCEMARAN BAU DI SEKITAR SENAI DAN SKUDAI, JOHOR

PUTRAJAYA – Susulan aduan yang diterima oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) berkaitan bau busuk sekitar kawasan Bukit Indah, Kempas, Senai, Skudai dan Kulai, Johor pada 9 September 2024, JAS telah melakukan siasatan di kawasan yang terlibat. Siasatan dengan menyusuri Sungai Tebrau mendapati beberapa kawasan berbau busuk dan lapisan berminyak ditemui di permukaan sungai.

Tindakan yang telah diambil oleh Jabatan Alam Sekitar susulan aduan adalah:

- i) Pengambilan sebanyak sembilan (9) sampel untuk dianalisis lanjut oleh Jabatan Kimia Malaysia;
- ii) Pemantauan menggunakan dron dikawasan berhampiran kejadian;
- iii) Pemantauan kualiti udara di kawasan-kawasan yang terjejas;
- iv) Bagi kes pencemaran yang dikesan di Taman Perindustrian Tiong Nam dan Taman Perindustrian Tropika, pihak JAS akan memastikan kerja-kerja pembersihan dan pelupusan sisa pencemaran oleh kontraktor berlesen dilaksanakan sebagaimana terma rujukan (TOR) yang telah ditetapkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) Johor Bahru; dan

- v) JAS melalui operasi bersepadu bersama-sama agensi berkaitan termasuk PDRM juga telah menjalankan siasatan dan pemeriksaan ke atas premis-premis yang disyaki melakukan pencemaran dan akan meneruskan pemeriksaan terhadap premis-premis yang berpotensi menyebabkan pencemaran tersebut.

Kerajaan memandang serius terhadap jenayah alam sekitar dan melalui pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2024, memperuntukkan hukuman yang lebih berat bagi kesalahan tersebut. AKAS 1974 yang telah berkuatkuasa pada 7 Julai 2024 turut melibatkan pindaan hukuman, denda dan penalti di mana peningkatan julat kadar denda antara RM5,000 hingga RM10 juta, selain penjara mandatori tidak melebihi lima tahun. Selain itu, kadar kompaun juga ditingkatkan daripada maksimum RM2,000 kepada tidak melebihi 50 peratus daripada denda maksimum kesalahan berkaitan. Semua pihak industri adalah diingatkan bahawa tindakan tegas di bawah AKAS 1974 akan dikenakan ke atas mana-mana premis yang melakukan pencemaran alam sekitar.

Orang awam adalah diseru untuk bekerjasama dengan JAS bagi melaporkan sebarang aktiviti yang mencemarkan alam sekitar serta menyalurkan aduan untuk tindakan penguatkuasaan. Sebarang aduan boleh disalurkan melalui talian bebas tol 1-800-88-2727 yang beroperasi 24 jam sehari atau e-mel ke aduan_k@doe.gov.my dan melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>.

-TAMAT-

DATO' WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR
Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia
12 September 2024